

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Inventori Budaya etnik Kadayan adalah salah satu usaha untuk merekod dan mendokumentasikan aspek-aspek kehidupan etnik Kadayan. Usaha ini dilakukan untuk memelihara, memulihara dan memartabatkan budaya etnik Kadayan.

Untuk mencapai objektif inventori budaya ini, pengumpulan informasi dan data dibuat dengan menggunakan metodologi etnografi terhadap aspek-aspek yang telah ditetapkan. Bab ini menerangkan tentang objektif dan metodologi inventori budaya yang digunakan sebagai asas kepada penulisan buku inventori budaya etnik ini.

1.1 Objektif

Objektif inventori budaya etnik Kadayan adalah seperti berikut:-

- Untuk menghimpun maklumat dan fakta budaya etnik dalam bentuk inventori budaya;
- Untuk menonjolkan keunikan dan kelainan ciri-ciri budaya etnik Kadayan;
- Untuk memberi peluang kepada Persatuan Kadayan Sabah (PKS) dan orang perseorangan menyumbang dan mengetengahkan maklumat-maklumat dan ciri-ciri budaya etnik Kadayan;
- Untuk menghasilkan dokumentasi budaya selaras dengan usaha-usaha pemuliharaan, promosi dan pengayaan rujukan budaya etnik-etnik yang terdapat di Negeri Sabah, dan

- Untuk menyediakan rujukan budaya etnik Kadayan untuk kegunaan dan rujukan pelbagai pihak.

1.2 Metodologi Inventori Budaya Etnik

Inventori budaya etnik ini adalah berasaskan maklumat yang dikumpulkan melalui satu kajian bersama Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah dan Persatuan Kadayan Sabah (PKS). Metodologi yang digunakan melibatkan kajian bertulis, temu bual dan lawatan lapangan jawatankuasa penyelidik yang dibentuk. Beberapa orang ketua masyarakat etnik Kadayan telah ditemu bual daripada kawasan Sipitang Sabah.

Inventori budaya etnik ini dijalankan sendiri oleh para pengkaji dari Persatuan Kadayan Sabah (PKS) yang ditaja dan diselia oleh Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah. Inventori budaya etnik ini telah dibuat bermula dari bulan Februari hingga Julai 2010. Inventori budaya ini menghadapi limitasi dalam menjalankan kajian seperti kekangan masa yang terhad, kekurangan tenaga pengkaji, kewangan dan kakitangan yang berpengalaman untuk menjalankan penyelidikan dan temu bual dengan informan.

Inventori budaya telah dijalankan merangkumi 15 aspek kajian budaya etnik Kadayan iaitu pengenalan etnik Kadayan, aktiviti sosioekonomi etnik Kadayan, sastera lisan turun-temurun, adat istiadat dan pantang larang, kepercayaan, adat resam dan amalan, muzik dan tarian tradisional, pakaian tradisional dan aksesori, adat istiadat perkahwinan, seni bina rumah dan kraf tangan, makanan tradisional, permainan dan sukan rakyat tradisional, perayaan-perayaan dalam komuniti, perubatan dan amalan

tradisional, strata sosial dan lapisan masyarakat serta nyanyian rakyat dan amalan budaya.